# Kertas Bil. 12/2021

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 – 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 – 11 NOVEMBER 2020**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG STATUS PENGURUSAN KELAB GOLF SERI MORIB (KGSM) OLEH PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)**

**KERTAS BILANGAN 40/2020**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG STATUS PENGURUSAN KELAB GOLF SERI MORIB (KGSM) OLEH PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA YANG KEEMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bil 40 / 2020 | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG STATUS PENGURUSAN KELAB GOLF SERI MORIB (KGSM) OLEH PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)** | 6.1 Jawatankuasa mencadangkan agar pihak PNSB dan SDSB memulihkan dan menyelenggara semua fasiliti KGSM termasuk Rumah Kelab, kolam renang dan padang golf dengan baik sebagai perancangan jangka masa pendek agar KGSM kembali beroperasi semula sebagai kelab golf bertaraf antarabangsa dan menjadi tarikan pelancong. | | | PNSB dan Seriemas Development Sdn. Bhd. (SDSB) akan mengadakan satu perbincangan bagi mencapai penyelesaian yang menyeluruh supaya kepentingan semua pihak terlibat dapat dijaga. Untuk makluman, tanah Rumah Kelab yang sebelum ini dimiliki oleh Seriemas Resort Sdn. Bhd. (SRSB) telah dijual kepada PNB Development Sdn.Bhd. dan SDSB masih menyumbang untuk penyelenggaraan padang golf tanpa sebarang pulangan. |

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 6.2 Jawatankuasa juga mencadang agar satu perjanjian dibuat di antara pihak PNSB dan SDSB dengan KGSM di mana pelaksanaan kerja penyelenggaran padang golf perlu diserah kepada KGSM bersama dengan peruntukan penyelenggaraan yang mencukupi dan dipantau oleh Seriemas Development Sdn. Bhd. Ini bagi membolehkan KGSM melantik sendiri kontraktor yang bertauliah untuk menyelenggara padang golf tersebut. | | | PNSB dan Seriemas Development Sdn. Bhd. (SDSB) akan mengadakan satu perbincangan bagi mencapai penyelesaian yang menyeluruh supaya kepentingan semua pihak terlibat dapat dijaga. |
| | | 6.3 Jawatankuasa juga menyarankan pihak PNSB dan SDSB sebagai pemilik tanah di kawasan sekitar KGSM untuk menyelenggara dan menebang pokok-pokok yang telah mati atau tumbang di tepi jalan bagi menjamin keselamatan penduduk di kawasan setempat dan pengguna jalan raya. | | | Kerja-kerja penyelenggaraan dan penebangan pokok-pokok berkaitan telah pun dilaksanakan secara "*one-off*". Tanggungjawab penyelenggaraan akan diperincikan di dalam perbincangan bersama diantara PNSB dan SDSB. |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 6.4 Ahli-ahli KGSM sedia ada perlu diberi keyakinan oleh PNSB dan SDSB bahawa hak-hak mereka akan kekal terjamin selepas rancangan pembangunan dilaksanakan di tapak KGSM kelak, memandangkan mereka telah menjadi ahli selama berpuluh tahun dan mereka amat prihatin terhadap sebarang rancangan yang melibatkan masa depan KGSM. | | | Beberapa siri perbincangan dengan pengurusan tertinggi KGSM telah diadakan bagi menjaga kepentingan ahli KGSM. Pihak PNSB & SDSB secara umumnya berusaha untuk menyediakan kemudahan seperti yang dirancang kepada ahli-ahli sedia ada dengan keahlian yang sah setelah proses pindahmilik tanah daripada PNSB kepada Seriemas Resort Sdn. Bhd. selesai. Bagi tujuan semakan dan penyelarasan rekod, PNSB & SDSB masih menunggu pihak KGSM untuk mendapatkan maklumat berhubung bilangan keahlian terkini dan juga terma keahlian. |

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 6.5 Untuk perancangan jangka masa panjang, jawatankuasa berpendapat PNSB perlu menjual kesemua kepentingan PNSB di dalam JV Company Seriemas Resort Sdn. Bhd. (30%) dengan syarat mengekalkan KGSM di Morib. | | | Perkara ini telah dibincangkan oleh pihak SDSB dan PNSB, perbincangan bersetuju supaya proses *'RFP Business Proposal'* dilakukan dahulu sebelum apa apa keputusan diambil. |

**·AB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI**
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR